

03 APRIL 2018

Makmal proses dadah bawah tanah dibongkar

UTUSAN MALAYSIA • SELASA 3 APRIL 2018



MAZLAN LAZIM (tiga dari kanan) menunjukkan dadah yang dirampas dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, semalam.

Makmal proses dadah bawah tanah dibongkar

Oleh **NURAINA HANIS ABD. HALIM**
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 2 APRIL

BINA makmal di bawah tanah bagi memproses dadah untuk dijual dan dibekalkan di kelab-kelab mewah di sekitar Lembah Klang.

Itu taktik satu kumpulan sindiket pengedaran dadah dikenali sebagai Ah Tee Jinjang serta didalangi oleh seorang lelaki berusia 40 tahun.

Bagaimanapun, kegiatan kumpulan itu terbongkar selepas ketua sindiket berkenaan ditahan di sebuah hotel di Jalan Pudu di sini pada pukul 5.30 petang, 29 Mac lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, dalam serbuan itu, pihaknya menemukenakan 14 paket berisi dadah jenis methamphetamine (101.6 gram) dan lapan paket dadah heroin (9.49 gram) bernilai RM8,000.

Dalam serbuan kedua, kita menahan empat lelaki berusia antara 30 hingga 52 tahun dipercayai membantu suspek utama memproses dadah."

MAZLAN LAZIM
Ketua Polis Kuala Lumpur

Menurut beliau, penahanan lelaki itu membawa kepada satu lagi serbuan di rumah teres di Taman Bukit Idaman, Batu Caves dekat sini, kira-kira pukul 9.30 malam pada hari sama.

"Dalam serbuan kedua, kita menahan empat lelaki berusia antara 30 hingga 52 tahun dipercayai membantu suspek utama memproses dadah.

"Serbuan tersebut turut membawa kepada pembongkaran sebuah bilik bawah tanah di ru-

mah tersebut yang dijadikan makmal memproses dadah," katanya dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Kontinjen Kuala Lumpur, di sini hari ini.

Menurut Mazlan, polis turut merampas 17.17 kilogram dadah jenis methamphetamine dan 9.2 gram dadah jenis kanabis bernilai RM1.26 juta.

Jelas beliau, pemeriksaan awal mendapati kumpulan terbabit membekal serta menjual dadah di kelab-kelab hiburan mewah di sekitar Lembah Klang kerana harga dadah tersebut yang mahal sehingga mencecah RM70,000 bagi satu kilogram.

"Jumlah keseluruhan rampasan adalah bernilai lebih RM1.27 juta. Kesemua suspek direman selama tujuh hari bermula pada 30 Mac lalu sehingga 5 April ini.

"Kita sedang mengesan saki baki kumpulan ini dan siasatan dijalankan di bawah Seksyen 39 B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.